

PTPTN perlu lebih prihatin

SEJAK sekian lama Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) telah 'diserang' secara berte-rusan oleh para pelajar yang kecewa dan marah disebabkan kelemahan di dalam melaksanakan amanah.

Sebagai badan yang membantu para pelajar di institusi pengajian tinggi sejak lebih kurang 10 tahun lalu, sepatutnya PTPTN sentiasa prihatin dan bertanggungjawab menjaga kebajikan para pelajar.

Seperti kisah pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) Naziatul Azlin yang dipaparkan dalam ruangan *Forum* kelmarin, beliau terpaksa bekerja sehingga terlepas kelas-kelas penting mata-mata untuk mencari sumber

kewangan.

Di luar sana ramai lagi pelajar yang senasib dengan beliau. Oleh itu, jika PTPTN terus kurang prihatin dan tidak bertanggungjawab, para pelajar akan terus kecewa dan marah.

Akibatnya kerajaan yang akan menanggung risiko kerana rakyat akan menganggap bahawa kerajaan penuh dengan kerenah birokrasi dan liat bekerja demi rakyat.

Justeru, PTPTN wajar bertindak dengan lebih efisien dan menunai-kan amanah kerja dengan penuh rasa bertanggungjawab.

**CHE Z
Beseri, Perlis**